

**DATE:** 25 JULY 2014  
**PUBLICATION:** BERITA HARIAN  
**SECTION:** BUSINESS SECTION  
**HEADLINE:** REACH ENERGY'S IPO ATTRACT ATTENTION OF NORGES BANK  
**CATEGORY:** COMPANY NEWS  
**MEASUREMENT:** 401.5 CMSQ



## IPO REACH ENERGY TARIK MINAT **NORGES BANK**

» *Lebih 200 juta saham sudah dilanggan pelabur*

**Oleh Nurhayati Abillah**  
nurhayatiabillah@bh.com.my

**T**awaran awam permulaan (IPO) Reach Energy Bhd yang merangkumi satu bilion saham pada harga terbitan 75 sen seunit, menarik minat banyak firma pengurus dana terkemuka dunia, termasuk Norges Bank Investment Management, Norway. IPO yang disasarkan meraih dana sehingga RM750 juta dan sekali

gus bakal muncul syarikat tujuan khas pengambilalihan (SPAC) terbesar tanpa aset disenaraikan di Bursa Malaysia, juga dikatakan sudah mempunyai tujuh pelabur utama, termasuk Lembaga Tabung Haji, CIMB Principal Asset Management dan Hong Leong Asset Management.

Mengulas perkara itu, Pengarah Urusannya, Shahul Hamid Mohd Ismail (**gambar**), berkata pembabitan Norges Bank penting dalam pelbagai cara berikutan ia berpengalaman luas dalam melabur dengan SPAC.

"Pelabur lain dan Norges Bank melanggan lebih 200 juta saham IPO Reach Energy, dengan yang terbesar mengambil sehingga 50 juta saham," katanya pada sidang media selepas pelancaran prospektus IPO syarikat itu di Kuala Lumpur, semalam.

Bisnes B2

“*Pelabur lain dan Norges Bank melanggan lebih **200 juta saham IPO Reach Energy**, dengan yang terbesar mengambil sehingga 50 juta saham”*”

# Norges Bank urus dana kekayaan RM2.9 trilion

• Dari muka B1

Beliau mengulas pertanyaan bagi mengesahkan laporan agensi berita semalam bahawa Norges Bank yang kini menguruskan dana kekayaan negara terbesar dunia bernilai AS\$890 bilion (RM2.9 trilion), turut bakal menjadi pelabur Reach Energy.

Beliau bagaimanapun enggan menyatakan jumlah pelaburan secara khusus.

Shahul Hamid berkata, syarikat mempunyai keupayaan untuk meyakinkan pemegang sahamnya menerusi pengendalian dan pengurusan aset yang baik.

“Kita mampu mencapai matlamat disasarkan berikutan mempunyai kepakaran serta pengurusan pasukan terbaik yang mempunyai banyak pengalaman menerusi rangkaian industri minyak dan gas,” katanya.

Beliau berkata, Reach Energy juga menyasarkan untuk menjadi syarikat cari gali dan pengeluaran (E&P) terkemuka sama ada di peringkat tempatan dan global.

Selain itu, katanya, penyenaaraian SPAC itu juga akan memberi tumpuan kepada fasa pembangunan dan pengeluaran bagi aset yang sudah lama beroperasi atau dibangunkan berikutan risikonya yang lebih rendah.